

03/09/1997

MMA '97 platform bukti kesilapan pengkritik

M Azlan Jaafar

MULTIMEDIA Asia '97 (MMA '97), persidangan khusus membincangkan perkembangan inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC), ialah platform sesuai bagi membuktikan kepada masyarakat dunia projek MSC bukan hanya angan-angan kosong.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata MMA '97 ialah persidangan paling sesuai melaporkan perkembangan MSC sejak idea penubuhannya diketengahkan.

Azzman memberitahu Komputer minggu lalu, MMA '97 juga platform paling sesuai untuk menyangkal dakwaan media dan pengkritik asing yang sangsi keupayaan negara dalam membangunkan projek besar seperti MSC.

Menurut beliau, program pembangunan MSC sedang dilaksana dan sebanyak 20 projek cubaan yang berkait langsung dengan tujuh aplikasi perdana MSC sedang dijalankan.

Beliau bagaimana pun enggan mengulas dengan lanjut projek tersebut serta syarikat dan kos yang terbabit.

"MMA '97 ialah peluang Malaysia membuktikan inisiatif ini bukan hanya satu visi tetapi sedang menuju kepada realiti penubuhannya," katanya lagi.

Beberapa media masa asing kebelakangan ini melaporkan kesangsian serta pandangan negatif mengenai keupayaan Malaysia dalam melaksanakan projek MSC.

Antara faktor yang diketengahkan ialah kekurangan sumber tenaga serta kepakaran teknologi maklumat (IT) di Malaysia. Terdapat juga laporan yang menyamakan MSC kepada satu lagi Lembah Silikon yang dibina di rantau Asia.

Mengenai MMA '97, Azzman yang juga Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Bhd, berkata persidangan akan mengungkap faktor kejayaan utama dalam melaksanakan pusat kecemerlangan selain berkongsi pengalaman Malaysia dengan orang lain.

Dianjurkan oleh NITC, persidangan MMA '97 juga memberi peluang kepada pelawat melihat aplikasi multimedia canggih yang mungkin digunakan dalam koridor teknologi canggih negara itu.

Berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa, Bandar Peranginan Mines, Seri Kembangan, MMA '97 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 September 1997. MMA '97 akan berlangsung sehingga 19 September 1997.

Sambutan syarikat multimedia serta pakar multimedia bagi MMA '97 sangat baik dengan 90 peratus ruangan pameran sudah ditempah dengan pembabitan lebih 100 syarikat tempatan serta luar negara.

Dua pelantar kebangsaan iaitu Putrajaya dan Cyberjaya serta dua pelantar nasional daripada Sweden dan Perancis ialah antara tarikan utama ruang pameran MMA '97.

Sidang video antara Perdana Menteri dengan beberapa personaliti utama dari beberapa negara juga dirancang di MMA '97.

(END)